



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 64  
No. 9

**23hb April 2020**

*TAMBAHAN No. 46  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 123.**

**AKTA SYARIKAT 2016**

**PERINTAH SYARIKAT (PENGECUALIAN) (No. 2) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 615 Akta Syarikat [Akta 777], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Syarikat (Pengecualian) (No. 2) 2020**.

**Pemakaian**

2. Perintah ini terpakai berhubung dengan mana-mana notis tuntutan di bawah perenggan 466(1)(a) Akta yang disampaikan dalam tempoh mulai 23 April 2020 hingga 31 Disember 2020.

**Pengecualian**

3. Menteri mengecualikan semua syarikat daripada perenggan 466(1)(a) Akta yang memperuntukkan bahawa mana-mana syarikat hendaklah disifatkan tidak mampu membayar hutangnya jika syarikat itu mengabaikan apa-apa notis tuntutan oleh mana-mana pembiutang supaya membayar hutangnya atau supaya menjamin hutangnya atau mencapai persetujuan mengenai hutangnya sehingga memuaskan hati pembiutang itu dalam tempoh dua puluh satu hari selepas penyampaian notis tuntutan itu ke atasnya.